

- *Salah Stempel*

UCHAPAN Y.B. INCHE HUSSEIN ONN,  
MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, DI-  
PERSIDANGAN KETUA2 PEGAWAI PELAJARAN  
DI-BILEK GERAKAN NEGERI JOHOR,  
JOHOR BAHRU PADA 23HB JULAI, 1972  
JAM 9.00 PAGI

---

*Ucapan. ADHO  
542  
161/80*

SEMENJAK PERSIDANGAN KETUA2 PEGAWAI  
PELAJARAN YANG AKHIR DI-ADAKAN DI-KUALA LUMPUR  
PADA AWAL TAHUN INI, BANYAK-LAH PERISTIWA2 PENTING  
DALAM BIDANG PELAJARAN BERLAKU YANG SEMUA-NYA MEN-  
DATANGKAN KESAN DALAM PROSES PERKEMBANGAN DAN  
PEMBANGUNAN PELAJARAN DI-NEGARA INI.

PERTAMA-NYA, SEKIM GAJI AZIZ TELAH BERJAYA  
DI-LAKSANAKAN DENGAN BERAKHIR-NYA TEMPOH PEMULANGAN  
BORANG PERMOHONAN PADA 14HB MACH YANG LALU. SERAMAI  
61,840 ORANG GURU2 TERLATEH IA-ITU 98.4% TELAH  
MEMILEH MASOK SEKIM GAJI INI. INI BERMAANA BAHAWA  
GURU2 SEKARANG INI BOLEH DI-KATAKAN HAMPIR SEMUA  
IA-LAH KAKITANGAN KERAJAAN DAN TERIKAT KAPADA SHARAT2  
YANG TERKANDONG DALAM PERENTAH 'AM. TAMBAHAN KIRA2

\$50 JUTA SATIAP TAHUN DI-BELANJAKAN UNTUK MEM-  
BOLEHKAN GURU2 MENERIMA FAEDAH DARIPADA SEKIM GAJI  
INI. SAYA YAKIN WANG TAMBAHAN SABANYAK ITU TIDAK  
SIA2 DI-BELANJAKAN KERANA GURU2 SEMUA SENTIASA AKAN  
MENYEMPURNAKAN TUGAS2 MEREKA YANG MAHA BERAT ITU.  
DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA, PELAJARAN MEMPUNYAI  
PERANAN YANG PENTING DALAM MENCHAPAI MATLAMAT2 DASAR  
EKONOMI BARU IA-ITU MEMBASMI KEMISKINAN DAN PENYUSUNAN  
SAMULA MASHARAKAT DI-NEGARA INI SUPAYA DAPAT PEM-  
BAHAGIAN KEKAYAAN DI-NIKMATI SECHARA ADIL. TANPA  
KHIDMAT GURU2 YANG JUJOR DAN 'DEDICATED' MATLAMAT2  
INI MELALUI PELAJARAN MUNGKIN TIDAK AKAN TERCHAPAI.

TENTU-LAH ADA BEBERAPA MASAALAH YANG  
TIMBUL DARIPADA PERLAKSANAAN SEKIM GAJI AZIZ INI.  
KETUA2 PEGAWAI PELAJARAN DAN BAHAGIAN2 YANG BERKAITAN  
HENDAK LAH CHUBA SEDAYA-UPAYA MENGATASI MASAALAH2 INI  
SACHEPAT MUNGKIN YANG BOLEH TERUTAMA SEKALI TENTANG  
PENEMPATAN GURU2 KAPADA KATEGORI2 ATAU TANGGA GAJI

YANG TERTENTU, PEMBAYARAN TUNGGAKAN GAJI HENDAK-LAH DI-SELESAIKAN DENGAN SEGERA. KALAU MASAALAH2 INI DAPAT DI-SELESAIKAN DENGAN CEPAT-NYA, MAKA SUDAH PASTI-LAH SEGALA TENAGA DAN PERHATIAN YANG DI-TUMPUKAN KAPADA PERLAKSANAAN SEKIM GAJI AZIZ INI DAPAT PULA DI-ALIRKAN KAPADA HAL2 LAIN YANG PENTING.

DENGAN TERLAKSANA-NYA SEKIM GAJI AZIZ DAN DENGAN TERTUBOH NYA LEMBAGA PUSAT MAKA SEMUA GURU2 BOLEH DI-TUKARKAN BERKHIDMAT DI-MANA2 SAHAJA DAN MEMBUAT KERJA2 PENTADBIRAN ATAU KERJA2 LAIN YANG BERPATUTAN BERDASARKAN KAPADA KEPENTINGAN PERKHIDMATAN. ADA DUA IMPLIKASI YANG TIMBUL BERKAITAN DENGAN INI. PERTAMA, KETUA2 PEGAWAI PELAJARAN DAN KETUA2 BAHAGIAN YANG BERKAITAN MEMPUNYAI KUASA MEMINDAHKAN GURU2. KEDUA, GURU2 YANG TELAH LAMA BERKHIDMAT DI-SASUATU TEMPAT ATAU MENJALANKAN SASUATU TUGAS MERASA BIMBANG KALAU2 MEREKA DI-TUKARKAN. DALAM HAL INI SUKA-LAH

SAYA MENGINGATKAN KETUA2 PEGAWAI PELAJARAN DAN KETUA2 BAHAGIAN BERKAITAN SUPAYA SA-SUATU PERTUKARAN ITU DI-LAKUKAN SA-TELAH DI-TIMBANGKAN DENGAN SA-BAIK2-NYA SUPAYA KESULITAN2 PERIBADI PEGAWAI2 YANG TERLIBAT DAPAT DI-KURANGKAN.

KAPADA GURU2 SAYA MENYERU MEREKA SUPAYA MENGANGGAP ARAHAN2 PERTUKARAN DI-KENAKAN KAPADA MEREKA ITU SEBAGAI SATU PELUANG UNTUK MENUNJOKKAN KEMAMPUAN2 MEREKA DALAM SATU TUGAS, SUASANA, KEADAAN DAN PERHUBONGAN YANG BARU DAN OLEH ITU PATUT-LAH DENGAN SENANG HATI MEREKA MENERIMA ARAHAN2 BERTUKAR ITU. KAWASAN2 LUAR BANDAR DAN KAWASAN2 DI-NEGERI PANTAI TIMOR MALAYSIA BARAT BERKEHENDAKKAN SANGAT2 KAPADA KHIDMAT GURU2 SISWAZAH DAN GURU2 YANG MEM-PUNYAI DAYA USAHA, SIKAP MEMBENA DAN KESANGGUPAN MEMBAWA PERUBAHAN TERUTAMA DALAM BIDANG SIKAP TERHADAP PELAJARAN DI-KALANGAN MASHARAKAT LUAR BANDAR.

KEDUA-NYA PADA 19HB JUN 1972, Y.A.B.

PERDANA MENTERI TELAH MELANCHARKAN PERKHIDMATAN TALIVISHEN PENDIDEKAN (ETV). SALAH SATU KERTAS KERJA DI-BENTANGKAN DALAM PERSIDANGAN INI IA-LAH BERKAITAN DENGAN PERANAN DAN TUGAS2 PEGAWAI PER-KHIDMATAN SEBARAN PENDIDEKAN NEGERI. SAYA BERHARAP DARIPADA PERBINCHANGAN2 YANG TIMBUL BERKAITAN HAL INI AKAN TERCHAPAI SUATU KEPUTUSAN DAN TINDAKAN2 YANG PATUT DI-AMBIL UNTUK DAPAT SEGALA RANCHANGAN BERHUBONG DENGAN PERKHIDMATAN SEBARAN PENDIDEKAN TERLAKSANA DENGAN SEMPURNA. PERKHIDMATAN TALIVISHEN PENDIDEKAN, SIARAN RADIO KA-SEKOLAH2 DAN ALAT2 PANDANG DENGAR ADA-LAH TEKNOLOJII2 PENDIDEKAN YANG BERKEHENDAKKAN PEGAWAI2 SAPENOH MASA DI-PERINGKAT NEGERI UNTUK MELAKSANAKAN-NYA DAN BERKEHENDAKKAN KERJASAMA GURU2 YANG MENGETAHUI DI-SATIAP SEKOLAH. SUATU PERKARA YANG SAYA SUKA SEBUTKAN BERKAITAN DENGAN PELANCHARAN TALIVISHEN PENDIDEKAN IA-LAH HAKIKAT BAHAWA SEMUA KESULITAN DAN RINTANGAN DAPAT DI-ATASI

DENGAN ADA-NYA KERJASAMA DAN KEMAHUAN UNTUK MENJAYAKAN SA-SUATU PROJEK ITU.

PERISTIWA TERPENTING YANG KETIGA IALAH PADA KALI PERTAMA-NYA 16HB MEI, DI-ISHTIHARKAN MENJADI HARI GURU. HAL2 BERKAITAN DENGAN HARI GURU ITU PUN AKAN DI-BINCHANGKAN DALAM PERSIDANGAN KALI INI. SAYA HARAP TUAN2 SEMUA AKAN DAPAT MEMBERIKAN TEGORAN DAN PANDANGAN UNTUK DAPAT DI-SAMBUT HARI GURU ITU LEBEH BERKESAN LAGI DI-TAHUN2 AKAN DATANG.

PADA TAHUN INI JUGA SEBAGAIMANA TUAN2 MAALUM, EXPO PENDIDEKAN 1972 PERINGKAT KEBANGSAAN AKAN DI-ADAKAN DI-KUALA LUMPUR DUA MINGGU DARI SEKARANG. TUAN2 SEMUA TELAH PUN BERTUNGKUS-LUMUS MENJAYAKAN EXPO PENDIDEKAN DI-PERINGKAT DAERAH DAN DI-NEGERI TUAN2 MASING2. SAYA YAKIN SEGALA

USAHA MENJAYAKAN EXPO PENDIDIKAN INI  
TELAH DAPAT MENAREK MINAT ORANG RAMAI TER-  
HADAP PELAJARAN DI-NEGARA KITA.

PERISTIWA PENTING YANG SAYA SEBUTKAN  
DI-ATAS BENAR2 MENGUJI KETABAHAN DAN KEBOLEHAN  
KITA SEMUA. BERJAYA-NYA PERISTIWA2 ITU BER-  
LAKU ADA-LAH JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA TUAN2  
SEMUA SEDIA MEMIKUL APA SAHAJA TUGAS2 YANG DI-  
BEBANKAN KAPADA TUAN2 UNTUK MENJAYAKAN  
RANCHANGAN PEMBANGUNAN NEGARA MELALUI PELAJARAN.  
SAYA BERHARAP TUAN2 SEMUA AKAN TERUS BERSEDIA  
MENERIMA CHABARAN2 BARU DAN TERUS SANGGUP ME-  
LAKSANAKAN BEBAN2 YANG DI-PIKULKAN KAPADA  
TUAN2 DEMI UNTUK KEPENTINGAN PEMBANGUNAN  
PELAJARAN DI-NEGARA KITA INI.

DALAM PERSIDANGAN INI TUAN2 JUGA AKAN MEMBINCHANGKAN MASAALAH KECHICHIRAN. SUKA SAYA MENYATAKAN DI-SINI BAHAWA PERINGKAT PERTAMA KAJIAN KECHICHIRAN DAN LAPORAN AWAL KAJIAN KECHICHIRAN ITU TELAH PUN SIAP. KAJIAN KECHICHIRAN INI SABENAR-NYA BERTUJUAN MENCHARI SABANYAK2-NYA MAKLUMAT2 MENGENAI KEADAAN PENDIDEKAN KANAK2 DI-SEKOLAH DENGAN TUJUAN SUPAYA IA MENJADI SATU CHARA MENILAI SISTEM PENDIDEKAN NEGARA KITA AM-NYA. DI-DALAM PERINGKAT PERTAMA YANG BARU DI-SELESAIKAN, MURID2 YANG MENJAWAB SOAL-SELIDEK ADA-LAH MURID2 YANG BERADA DI-SEKOLAH. TUJUAN BERBUAT BEGINI IA-LAH SUPAYA DI-KETAHUI MAKLUMAT MENGENAI JENIS2 ATAU PERBEDZAAN DORONGAN ATAU 'MOTIVATION' YANG MENGGALAKKAN MURID2 TERUS BELAJAR DI-SEKOLAH. PERINGKAT YANG LAIN KAJIAN INI YANG AKAN DI-JADUALKAN BERJALAN PADA BULAN OGOS AKAN MELIBATKAN LEBEH-KURANG 6,000 KANAK2

KALANGAN MURID2 YANG DI-LAHIRKAN DALAM TAHUN YANG BENAR2 CHICHIR DARI SEKOLAH. PENEMU2 DUGA AKAN PERGI KA-RUMAH KANAK2 INI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT2 MENGENAI SEBAB2-NYA MEREKA TERCHICHIR. LAPORAN AKHIR KAJIAN INI DI-JANGKA SIAP PADA AKHIR TAHUN INI.

SA-TELAH DI-ANALISA SOAL-SELIDEK MURID2, BEBERAPA KENYATAAN TELAH DI-PEROLEHI. ANTARA-NYA ADA-LAH PERKARA2 YANG BERKAITAN DENGAN PERBEDZAAN KADAR PENDAFTARAN DI-NEGERI2 PANTAI TIMOR DAN PANTAI BARAT DAN PERBEDZAAN KADAR PENDAFTARAN ANTARA KAUM MENGIKUT TARAF SOSIO-EKONOMI-NYA. ADA-LAH DI-DAPATI BAHAWA ANTARA MURID2 YANG LAHIR DALAM TAHUN 1960, 95.6% DARIPADA-NYA DI-DAFTARKAN DI-SEKOLAH PADA TAHUN 1972. INI BERBEDZA DENGAN 60.9% DI-

KALANGAN MURID2 YANG DI-LAHIRKAN DALAM TAHUN 1956. PADA AM-NYA DI-DAPATI BAHAWA PERBEDZAAN PENDAFTARAN DI-KALANGAN KANAK2 BERGANTONG KAPADA LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI KANAK2 ITU. ADA-LAH DI-PERHATIKAN JUGA BAHAWA KADAR PENERUSAN BELAJAR 'RATE OF CONTINUATION' ADA-LAH LEBEH TINGGI DI-KELANTAN DARIPADA DI-PERLIS DAN DI-KEDAH. INI MENGGALAKKAN KERANA PADA TAHUN 1957 PENDAFTARAN ADA-LAH PALING RENDAH DI-NEGERI KELANTAN. KADAR PENDAFTARAN BAGI MURID2 MELAYU ADA-LAH PALING TINGGI DI-BANDINGKAN DENGAN MURID2 BUKAN MELAYU, TETAPI KADAR PENERUSAN BELAJAR 'RATE OF CONTINUATION' ADA-LAH RENDAH. ANTARA SEBAB2 YANG MUNGKIN MEMBAWA KAPADA PENGURANGAN PENDAFTARAN DI-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DI-KALANGAN MURID2 MELAYU IA-LAH PENDAFTARAN MURID2 INI DI-SEKOLAH2 ARAB ATAU SEKOLAH UGAMA.

SAYA AMAT-LAH MERASA SUKACHITA KERANA  
TUAN2 KETUA PEGAWAI PELAJARAN DAN PEGAWAI2  
JABATAN PELAJARAN NEGERI TELAH DAN SEDANG MEN-  
JALANKAN BERBAGAI2 KEMPEN KESEDARAN MEMBERIKAN  
PENERANGAN KAPADA IBU BAPA DAN ORANG2 RAMAI TER-  
HADAP BANTUAN2 YANG DI-SEDIAKAN OLEH KERAJAAN  
DAN MENERANGKAN KAPADA ORANG RAMAI TERUTAMA  
SEKALI IBU BAPA DAN KAPADA MURID2 TENTANG PENTING-  
NYA PELAJARAN DALAM ZAMAN PEMBANGUNAN INI. SAYA  
YAKIN TUAN2 AKAN TERUS BERUSAHA MENGURANGKAN  
KECHICHIRAN INI. ADA-LAH MENJADI HARAPAN SAYA  
BAHAWA LAPORAN PERINGKAT AKHIR KECHICHIRAN YANG  
AKAN SIAP PADA AKHIR TAHUN INI AKAN DAPAT  
MEMBERIKAN LAGI BEBERAPA PANDUAN UNTOK TUAN2  
BERTINDAK KA-ARAH MENGURANGKAN KECHICHIRAN.

TIDAK SHAK LAGI SEKARANG INI  
PELAJARAN MENJADI KENDERAAN TERPENTING BAGI  
MENJAYAKAN SEGALA MATLAMAT2 PEMBANGUNAN DAN  
UNTOK MENCHAPAI CHITA2 YANG TERKANDONG DALAM  
RUKUNEGARA. PELAJARAN NEGARA KITA MENGALAMI  
PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN YANG AMAT PESAT;  
MATA2 PELAJARAN DI-AJAR, KAEDAH2 MENGAJAR DAN  
BELAJAR SERTA KEGIATAN2 LUAR BILEK DARJAH BER-  
TAMBAH RENCHAM. TENTU-LAH DALAM PERLAKSANAAN  
DASAR PELAJARAN, SEKOLAH SEBAGAI SATU YUNIT  
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MENGALAMI UBAHSUAIAN  
SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN INI.  
GURU BESAR SEBAGAI KETUA YUNIT PENTADBIRAN DAN  
PENGURUSAN INI MENGHADAPI BERBAGAI CHABARAN YANG  
TIMBUL DARI (a) PENAMBAHAN BILANGAN MURID YANG  
BANYAK SAHINGGA TERPAKSA SA-BUAH KELAS ITU  
MENGANDONGI 45 KA-50 ORANG MURID, (b) BERTAMBAH  
RENCHAM-NYA MATA PELAJARAN, KAEDAH MENGAJAR DAN

BELAJAR DAN KEGIATAN2 LUAR BILEK DARJAH;

(c) USAHA2 MENGEKALKAN MUTU PELAJARAN DAN

(d) ADA LUAS-NYA JURANG PERBEDZAAN, KEBOLEHAN DAN PENCHAPAIAN ANTARA MURID2. AMALAN2 LAMA BAHAWA SAORANG GURU ITU AKAN MENJADI GURU BESAR YANG CHEKAP MELAKSANAKAN TUGAS2-NYA MELALUI PENGALAMAN TIDAK-LAH DAPAT DI-PERTAHANKAN LAGI OLEH SEBAB:

(1) BILANGAN SEKOLAH DAN DENGAN ITU BILANGAN GURU BESAR TELAH BERTAMBAH DENGAN BANYAK-NYA.

(2) RAMAI DARIPADA GURU2 KITA YANG BERKELAYAKAN TINGGI DALAM BIDANG AKADEMIK ADA-LAH TERDIRI DARIPADA GURU2 MUDA DARI SEGI UMOR DAN DARI SEGI PENGALAMAN.

(3) KERENCHAMAN TUGAS2 GURU BESAR SEKARANG INI TIDAK MUNGKIN DAPAT DI-PELAJARI DARI

PENGALAMAN SEMATA2.

- (4) CHARA BELAJAR DARI PENGALAMAN DAN CHARA 'TRIAL AND ERROR' BELUM TENTU MENGHASILKAN PEGAWAI YANG CHEKAP DAN JUGA PROSES INI MENGAMBIL MASA AGAK LAMA. KITA KETIADAAN MASA UNTUK MEMBIARKAN GURU2 BESAR MENGIKUTI AMALAN LAMA ITU.

DALAM LAPORAN AZIZ, DI-NYATAKAN MUTU PENTADBIRAN DI-SEKOLAH2 PADA MASA INI ADA-LAH RENDAH DARIPADA APA YANG DI-HARAPKAN. GURU2 BESAR BANYAK YANG TIDAK TERLATEH ATAU SADIKIT SAHAJA TERLATEH DALAM HAL2 PENTADBIRAN DAN LANTARAN ITU GURU2 BESAR DEMIKIAN TERPAKSA-LAH MENGGUNAKAN AKAL MEREKA SENDIRI UNTUK MENTADBIRKAN SEKOLAH. PENTADBIRAN WANG SEKOLAH PUN JUGA DI-LAPORKAN TIDAK MEMUASKAN. HAL2 BESAR YANG MENERIMA KECHAMAN IA-LAH BERBELANJA LEBEH DARIPADA


YANG DI-TETAPKAN ATAU DARI PENDAPATAN, BELANJA DENGAN TIDAK MENDAPAT KEBENARAN, WANG SEKOLAH HILANG, SALAH MENGGUNAKAN WANG DAN MELANGGAR KAEDAH2 DAN PERATORAN2 KEWANGAN. SEBAGAIMANA TUAN2 MAALUM SEKARANG INI BANYAK SEKOLAH MENTADBIRKAN WANG YANG BESAR JUMLAH-NYA, PENGENDALIAN WANG ITU BANYAK BERGANTONG KAPADA KEBIJAKSANAAN GURU2 BESAR.

KEADAAN YANG SAYA SEBUTKAN DI-ATAS TADI MESTI-LAH DI-PERBAIKI SEGERA. SAYA SUKA-LAH MENYATAKAN DI-SINI BAHAWA KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BAGI GURU2 BESAR AKAN DI-MULAKAN OLEH KEMANTERIAN SAYA DALAM TAHUN 1973 DAN DALAM TAHUN2 SATERUS-NYA. DALAM TAHUN 1973, KIRA2 300 ORANG GUBU BESAR AKAN DI-BERI KURSUS BERKENAAN DENGAN (a) PENGELOLAAN SEKOLAH (b) PENTADBIRAN KEWANGAN (c) HAL2 BERKAITAN DENGAN UNDANG2 PELAJARAN (d) PROSES

PENGURUSAN MODEN IA-ITU HAL2 BERKAITAN DENGAN KEPEMIMPINAN, PERANCHANGAN, PENGAWASAN, PERBELANJAAN, DORONGAN ATAU MOTIVATION, PERHUBONGAN ANTARA MANUSIA ATAU 'HUMAN RELATIONSHIP' DAN KAKITANGAN ATAU 'PERSONNEL'. DI-SAMPING ITU GURU2 BESAR AKAN DI-HANTAR JUGA MENGIKUTI KURSUS DI-BERBAGAI2 PUSAT LATEHAN LUAR NEGERI DI-YAYASAN PENTADBIRAN DAN PERANCHANGAN PENDIDIKAN ASIA DI-NEW DELHI, DI-PUSAT INNOTECH DI-SINGAPURA, GURU2 BESAR JUGA AKAN DI-HANTAR MENGIKUTI KURSUS PENTADBIRAN DI-BERBAGAI UNIVERSITI LUAR DAN DALAM NEGERI. DALAM MASA 5 TAHUN AKAN DATANG INI DI-HARAPKAN SABILANGAN BESAR GURU2 BESAR <sup>akan</sup> ~~TELAH~~ DAPAT MENJALANI KURSUS.

PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN PESAT DALAM BIDANG PELAJARAN BERKEHENDAKKAN PEGAWAI2 PERANCHANG DAN PENTADBIR YANG CHEKAP DAN JUJOR MENJALANKAN TUGAS. SAYA PENOH PERCHAYA BAHAWA TUAN2 SEMUA MEMPUNYAI KESANGGUPAN, KEBOLEHAN, KECHEKAPAN DAN

KEJUJURAN YANG DI-KEHENDAKI ITU.



KEJAJARAN YANG DI-KEMUKAKAN ITU.



No Siri .....	119
No Penerimaan .....	119/80